



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : PSUKPP/45/2023

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah kod bidang **GRED G2, KATEGORI CE, PENGKHUSUSAN CE21 (Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam) & KATEGORI B, PENGKHUSUSAN B04 (Bangunan Am Dan Penyenggaraan)** yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebut harga berikut:-

KERJA-KERJA PEMBAIKAN 22 UNIT RUMAH DI SKIM PERUMAHAN KOS RENDAH / SEDERHANA RENDAH SRI SAUJANA, SEKSYEN 11E, GAT LEBUH MACALLUM, DAERAH TIMUR LAUT, BANDAR GEORGE TOWN, PULAU PINANG

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **diwajibkan** untuk menghadiri lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh	:	21 September 2023 (Hari Khamis)
Masa	:	9.30 Pagi
Tempat	:	Blok C, Sri Saujana, Gat Lebu Macallum
Kehadiran	:	Pemilik Syarikat sahaja (Wakil tidak dibenarkan).
Tambahan	:	<u>Sila Bawa Cop Syarikat</u>

3. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan **ePerolehan** Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan ePerolehan serta menghadiri lawatan tapak sahaja boleh dibeli dengan harga RM10.00 secara online dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai 21 September 2023 (Khamis).

4. Borang tawaran yang telah lengkap diisi berserta profil syarikat dan maklumat pengalaman serta salinan sijil **SPKK, CIDB** dan **STB** dalam kod bidang yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Tajuk Sebut Harga disebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada 27 September 2023** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **PSUKPP/45/2023** di **Seksyen Perolehan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 30, KOMTAR, Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

5. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

6. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>.

Y.B. Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang